

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 AUGUST 2016

Malaysia terus berpegang dasar luar bersandarkan kerjasama, persefahaman untuk rakyat, negara

# Semangat persahabatan - PM

Um- 19/8/2016

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA,  
SOFIAN BAHAROM dan  
JUANI MUNIR ABU BAKAR  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 18 OGOS

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia akan terus berpegang pada dasar luar yang bersandarkan kepada kerjasama dan persefahaman kerana diyakini memberi kesejahteraan kepada rakyat dan negara.

Menurutnya, beliau memilih pendirian itu kerana mendapati pendekatan yang menjadi amalan pemimpin terdahulu banyak menekankan dasar luar yang bersifat konfrontasi dan turut mengundang pertikaian dengan negara lain.

Beliau berkata, Malaysia juga tidak percaya kepada campur tangan asing dalam hal ehwal dalaman sebuah negara.

Katanya, pendirian Malaysia adalah jelas iaitu zaman yang mana kuasa luar boleh menjajah dengan memberi arahan serta bertindak dari segi politik, ekonomi dan budaya sudah berlalu.

"Selama sedekad kita mempunyai pemimpin yang memilih polisi dasar luar yang penuh konfrontasi yang berkemungkinan untuk populariti peribadi. Malaysia percaya dalam usaha mendekati negara-negara lain, kita perlu mengekalkan pendirian bebas, berkecuali dan berprinsip tanpa mengira sistem dan ideologi politik dalam hal ehwal di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

"Atas kerana itu, saya memilih untuk mengutamakan kepentingan nasional berbanding kepentingan politik peribadi, memandangkan hubungan kerjasama ekonomi dengan negara lain yang menjamin keamanan,



NAJIB TUN RAZAK bersama Raja Swaziland, Raja Mswati III (dua dari kiri) dan Setiausaha Agung Komanwel, Patricia Scotland (dua dari kanan) selepas merasmikan CAPAM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Turut hadir Ali Hamsa dan Ketua Pegawai Eksekutif CAPAM, Gay Hamilton (kanan). - BERNAMA

keselamatan dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau berucap merasmikan Persidangan Dwitahunan Pertubuhan Komanwel Bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan (CAPAM) 2016 'Inovatif: Kepentingan Perkhidmatan Awam di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan Setiausaha Agung Komanwel, Patricia Scotland.

Najib berkata, Malaysia di bawah pentadbirannya digerakkan menerusi pendekatan yang berinovasi, sehubungan itu, tidak perlu lagi dibangkitkan kisah-kisah mahupun pertelingkahan lama yang ramai orang telah melupakannya.

Menerusi pendekatan-pendekatan itu kata Perdana Menteri, ia telah memberi banyak kelebihan untuk negara dan rakyat, malah contoh terdekat adalah dalam rundingan yang melibatkan isu-isu legasi dengan Singapura pada 2010.

"Ini adalah satu daripada contoh bagaimana kita memilih untuk memandangkan ke hadapan dalam semangat persahabatan dan kelebihan kebersamaan serta meletakkan apa sahaja yang menjadi penghalang di belakang.

Selain itu Perdana Menteri berkata, dalam usaha mentransformasikan pembangunan negara, Malaysia bukan sahaja tertumpu pada Asia Tenggara, sebaliknya turut percaya dengan pasaran dagangan yang terbuka.

"Sebagai contoh, Malaysia dan China telah lama menjalin hubungan dagangan sehingga mampu melonjakkan lebih 10 peratus daripada pertumbuhan ekonomi setahun.

"Malaysia juga terlibat dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tanpa perlu mengorbankan kepentingan negara, malah polisi bumiputera sekarang diamalkan dalam perjanjian tersebut," katanya.

Perdana Menteri berkata berikutan itu, Malaysia percaya menerusi transformasi ekonomi, selain memastikan dasar luar negara berasaskan peningkatan hubungan dan dagangan antara satu sama lain ia adalah laluan kepada keamanan dan keselamatan.



**Ini adalah satu daripada contoh bagaimana kita memilih untuk memandangkan ke hadapan dalam semangat persahabatan dan kelebihan kebersamaan serta meletakkan apa sahaja yang menjadi penghalang di belakang."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri